

PEMATUHAN KEPERLUAN PENYENARAIAAN Bursa Malaysia

1. Beli Balik Saham

Syarikat belum membeli sahamnya sendiri dalam tahun kewangan berakhir 31 March 2009.

2. Kontrak Penting

Tiada kontrak penting (bukan kontrak yang diikat dalam urusan perniagaan biasa) diikat oleh Kumpulan yang melibatkan pengarah dan pemegang saham, sama ada masih ada pada penghujung tahun kewangan atau diikat sejak penghujung tahun kewangan sebelumnya.

3. Resit Depositori Amerika ("ADR") Atau Resit Depositori Global ("GDR")

Syarikat belum menaja program ADR atau GDR bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.

4. Sekatan Dan/Atau Penalti

Tiada sekatan dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat, pengarah atau pengurusan oleh badan pengawalaturan berkenaan dalam tahun kewangan.

5. Jaminan Keuntungan

Setakat tarikh laporan ini dikeluarkan, Kumpulan tidak tiada jaminan keuntungan diberikan oleh Syarikat.

6. Dasar Penilaian Semula

Kumpulan belum menilai semula hartanah dan oleh yang demikian belum menggunakan apa-apa dasar penilaian semula pada tarikh laporan ini.

7. Penggunaan Hasil

Usaha pengumpulan dana yang dilaksanakan subsidiari Syarikat seperti yang berikut:

- AmBank (M) Berhad menerbitkan dua (2) tahap Modal Bukan-Inovatif Peringkat 1 ("NIT-1") berjumlah RM500.0 juta di bawah sebuah program RM500.0 juta NIT-1, terdiri daripada:
 - Terbitan sekuriti dana bukan-terkumpul oleh AmBank; dan
 - Terbitan nota subordinat di bawah program oleh AmPremier Capital Berhad, subsidiari yang dimiliki sepenuhnya AmBank.

Hasil yang dijana telah/akan digunakan oleh AmBank seperti berikut:

Perihal	Penggunaan (RM'000)
Modal Kerja	498,913
Bayaran belanja penerbitan	1,087
Jumlah Hasil	500,000

8. Opsyen, Waran Atau Sekuriti Boleh Tukar

Pada 31 Mac 2009, tiada opsyen atau waran yang belum dijelaskan. Walaubagaimanapun, sekuriti boleh tukar berikut belum dijelaskan:

- Bon Boleh Tukar tidak bercagar 10 tahun bernilai nominal RM575 juta diterbitkan pada 18 Mei 2007, yang boleh ditukar kepada 194,915,254 saham biasa baru Syarikat, kepada ANZ Funds Pty Ltd pada harga RM2.95 sesaham.

9. Perubahan dalam Keputusan

Kumpulan tidak ada membuat atau menerbitkan ramalan atau unjuran keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.

10. Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Yang Bersifat Hasil Atau Perdagangan

Menurut perenggan 10.09(1) (b), Bahagian E, Bab 10 Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia, perincian urus niaga berulang pihak berkaitan yang dijalankan dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 menurut Mandat Pemegang Saham diberikan dalam Jadual di bawah.

Pihak Berurus Niaga bagi semua Pihak Berkaitan terdiri daripada AHB dan subsidiarinya.

Perincian Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Dalam Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2009 Menurut Mandat Pemegang Saham

Pihak Berkaitan	Sifat Urus Niaga	Nilai Sebenar (RM'000)	Hubungan dengan Syarikat
MCM Consulting Sdn Bhd	Pembelian perisian dan perkakasan dan peruntukan perkhidmatan berkaitan IT ¹ termasuk peruntukan perkakasan lampu	8,639	Syarikat yang Pengarah dan/atau pemegang saham utama dianggap mempunyai kepentingan
MCM Systems Sdn Bhd			
MCM Horizon Sdn Bhd			
MCM Wireless Sdn Bhd	Perkongsi bahagian hasil daripada penjualan waktu panggilan kad Telekom Malaysia melalui platform pengagihan saluran e-channel AmBank	37	
Harpers Travel (M) Sdn Bhd	Peruntukan perkhidmatan tiket penerbangan	2,488	
Restoran Seri Melayu Sdn Bhd	Peruntukan perkhidmatan restoran dan ketamuan	100	
Blue Star M&E Engineering Sdn Bhd	Peruntukan perkhidmatan penyelenggaraan alat hawa dingin	-	
Unigaya Projection System Sdn Bhd Group	Peruntukan perkhidmatan keselamatan termasuk perkhidmatan pengawal bersenjata dan tanpa senjata dan keselamatan bagi tunai dalam transit	149	
Modular Corp (M) Sdn Bhd Group	Peruntukan teknologi dan perkhidmatan kad elektronik	1,964	
Australia and New Zealand Banking Group Limited ("ANZ")	Peruntukan khidmat teknikal, keupayaan sistem teknikal, keupayaan jualan dan produk berkait tukaran matawang, kadar faedah, dan perniagaan terbitan peniagaan ²	1,322	
Cuscapi Berhad	Peruntukan untuk penyelesaian dan perkhidmatan integrasi sistem teknologi	1,051	

Nota-nota:

- Perkhidmatan berkaitan perundingan IT terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, perkhidmatan yang berikut:
 - Perekaciptaan, pembangunan dan pemeribadian perisian;
 - Penyepaduan, pemasangan, pelaksanaan, pengujian dan penggunaan perisian dalam sistem yang ditetapkan;
 - Peruntukan perkhidmatan penyelenggaraan dan menaik taraf untuk aplikasi berkaitan rangka utama dan sistem;
 - Pembangunan, pengoptimuman dan pelaksanaan laman web; dan
 - Peruntukan perkhidmatan pengurusan projek.
- Perkhidmatan Teknikal terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, perkhidmatan yang berikut:
 - kepimpinan strategik, pengalaman dan pengetahuan perniagaan;
 - peruntukan sumber penting ANZ kepada AmBank;
 - teknologi dan keupayaan sistem;
 - pertukaran asing, kadar faedah dan dagangan derivatif komoditi dan jualan penyelesaian/produk;
 - platform pengedaran dan dokumentasi proses;
 - alat, model, proses, prosedur dan dasar pengurusan risiko pasaran;
 - proses dan alat pengurusan kredit dan risiko;
 - pengalaman dan kemahiran tranformasi perniagaan antarabangsa; dan
 - keupayaan penyelidikan global.